



## Analisis Wacana Pemikiran Kritis Dalam Hadis *Arba'in al-Nawawiyah*

### [*Discourse Analysis of Critical Thinking in al-Nawawi 's Forty Hadith*]

(Husna Mardiah Mohamed Radzi <sup>1</sup>, Mhd Faizal Mhd Ramli \*<sup>1</sup>,  
Mohamad Nurul Hafiz Ab Latif <sup>2</sup>)

<sup>1</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Sungai Besi, Kuala Lumpur

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Terengganu

\* Corresponding Author: [mhd.faizal@upnm.edu.my](mailto:mhd.faizal@upnm.edu.my)

---

#### Kata Kunci:

Pemikiran kritis; Analisis Wacana; Hadis *Arba'in al-Nawawiyah*; Komunikasi Nabi; Linguistik Islam

---

#### ABSTRAK

Pemikiran kritis merupakan keupayaan untuk menjelaskan, menganalisis, menafsir, membuat penilaian sendiri, membuat inferens, dan menilai berdasarkan bukti yang rasional. Hadis Nabawi, sebagai sumber rujukan kedua dalam Islam selepas al-Quran, mengandungi pelbagai aspek komunikasi yang mencerminkan pemikiran kritis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara induktif melalui kaedah kajian keperustakaan bagi menganalisis wacana pemikiran kritis dalam Hadis *Arba'in al-Nawawiyah*. Analisis teks dijalankan terhadap hadis-hadis terpilih berdasarkan konsep pemikiran kritis Laporan Delphi. Hasil kajian menunjukkan bahawa Nabi S.A.W menggunakan pelbagai strategi pertuturan seperti soal-jawab, pemberian analogi, dan teguran yang mendorong para sahabat untuk berfikir secara kritis. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada bidang linguistik dan pemikiran Islam dengan menghubungkan elemen komunikasi dengan perkembangan intelektual.

---

#### Keywords:

*Critical Thinking, Discourse Analysis, al-Nawawi's Forty Hadith, Prophetic Communication, Islamic Linguistics*

---

#### ABSTRACT

*Critical thinking refers to the ability to explain, analyse, interpret, self-evaluate, infer, and make judgments based on rational evidence. The Prophetic Hadith, as the second primary source in Islam after the Qur'an, encompasses various communicative dimensions that reflect critical thinking. This study adopts a qualitative and inductive approach, employing library-based research to examine the discourse of critical thinking within al-Nawawi's Forty Hadith. Textual analysis was conducted on selected hadiths, guided by the conceptual framework of critical thinking outlined in the Delphi Report. The findings reveal that the Prophet Muhammad (peace be upon him) utilised a range of communicative strategies including questioning, analogical reasoning, and constructive feedback to stimulate critical thought among his companions. This study makes a meaningful contribution to the fields of Islamic linguistics and intellectual discourse by highlighting the intersection between Prophetic communication and cognitive development.*

## 1. PENDAHULUAN

Pemikiran kritis merupakan komponen asas dalam pembangunan modal insan berkualiti tinggi. Ia melibatkan keupayaan untuk menilai maklumat secara objektif, membuat pertimbangan yang rasional dan menghasilkan keputusan berdasarkan hujah serta bukti yang sahih. Dalam konteks pendidikan moden, pemikiran kritis memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang celik ilmu dan bijak menghadapi cabaran pemikiran kontemporari.

Namun begitu, dalam tradisi keilmuan Islam, pemikiran kritis bukanlah suatu konsep yang asing. Sejak zaman kenabian, pendekatan rasional dan analitik telah menjadi asas dalam memahami wahyu dan menangani isu-isu kehidupan. Noraini Junoh et al. (2021) menjelaskan bahawa pemikiran kritis dalam kerangka Islam berpaksikan prinsip tauhid dan penggunaan akal yang terpandu oleh nilai kebenaran mutlak. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek rasional, tetapi turut menyeimbangkannya dengan nilai rohani dan etika wahyu.

Yusuf al-Qaradawi (1996) menekankan bahawa Islam sangat menghargai peranan akal dalam memahami agama dan kehidupan. Beliau menyatakan bahawa al-Qur'an sendiri memberi tempat yang tinggi kepada aktiviti berfikir, bertadabbur dan menggunakan akal secara seimbang, selari dengan petunjuk wahyu. Justeru, pemikiran kritis menurut perspektif Islam ialah gabungan antara logik akal dan panduan wahyu, bukan semata-mata rasionalisme bebas tanpa batas.

Para sarjana Islam klasik telah membincangkan kepentingan pemikiran mendalam dalam memahami agama. Imam al-Ghazali (2005) menekankan bahawa *tafaqquh* (pemahaman mendalam) dan *al-naqd al-'aqli* (analisis rasional) merupakan asas untuk mengelakkan kekeliruan dan taqlid buta dalam beragama. Beliau menegaskan: (من لم يشك لم ينظر، ومن لم ينظر لم يبصر، ومن لم يبصر بقي في العمى والضلال)

*"Barang siapa yang tidak meragui (suatu perkara), dia tidak akan meneliti; dan barang siapa yang tidak meneliti, dia tidak akan memahami; dan barang siapa yang tidak memahami, maka dia akan kekal dalam kegelapan dan kesesatan."* (Al-Ghazali, 2005)

Dalam konteks pengajian hadis, pemikiran kritis dapat dilihat dengan jelas dalam interaksi Nabi S.A.W bersama para sahabat. Komunikasi baginda merangkumi elemen-elemen seperti teknik soal jawab, penggunaan analogi yang sesuai konteks, serta teguran yang membina. Mhd Faizal Mhd Ramli et al. (2022), dalam kajian mereka terhadap kisah Nabi Ibrahim a.s, turut menegaskan bahawa elemen pemikiran kritis adalah teras kepada komunikasi kenabian yang mendidik umat untuk berfikir secara reflektif.

Salah satu karya yang penting dalam menyusun prinsip-prinsip asas Islam ialah Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah* karya Imam al-Nawawi. Koleksi 42 hadis ini bukan sahaja menjadi sumber utama dalam pengajaran agama di pelbagai peringkat, malah telah menjadi rujukan utama dalam memahami asas-asas syariah dan akhlak Islam. Khairulnazrin Nasir et al. (2024) menekankan keperluan mengintegrasikan hafalan dan pemahaman Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah* ini dalam kurikulum pengajian Islam di institusi pengajian tinggi kerana kandungannya yang padat dengan nilai asas, hikmah, dan pedagogi Islam. Dalam konteks ini, analisis terhadap Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah* perlu diperluas dari hanya fokus aspek hukum kepada dimensi komunikasi dan pemikiran yang mendasarinya.

Tambahan pula, dalam menghadapi cabaran pemikiran moden seperti fahaman Islam liberal dan anti-hadis yang semakin menular dalam kalangan umat Islam, pendekatan berasaskan pemikiran kritis Islam menjadi semakin penting. Kajian oleh Mohd al'Ikhsan Ghazali et al. (2011) dan Wan Ismail W. Dagang et al. (2015)



menunjukkan bagaimana kelemahan dalam kemampuan menilai maklumat agama secara kritis menyebabkan umat mudah terpengaruh dengan fahaman yang menyeleweng. Oleh itu, pendekatan kritis yang berpaksikan kepada sumber-sumber tradisi Islam yang sahih perlu diperkasa sebagai benteng menghadapi kekeliruan intelektual dan cabaran ideologi kontemporari.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis elemen-elemen pemikiran kritis dalam Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah* berdasarkan dimensi-dimensi utama pemikiran kritis yang digariskan dalam Laporan Delphi, seperti analisis, inferens, penilaian dan penjelasan sendiri. Melalui pendekatan kualitatif secara induktif yang menggunakan kajian keperustakaan dan analisis teks, kajian ini berusaha menyingkap strategi komunikatif Nabi S.A.W yang merangsang pemikiran dalam kalangan para sahabat.

Secara keseluruhan, kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan terhadap pengayaan pemahaman hadis dalam kerangka linguistik dan komunikasi, malah membina jambatan antara warisan keilmuan Islam dengan pendekatan pemikiran moden. Hal ini selaras dengan usaha para pemikir Islam kontemporari seperti Noraini Junoh et al. (2020; 2023), yang menyeru agar *fikr naqdi Islami* dijadikan asas dalam mendepani arus pemikiran global secara bersepadu.

### 1.1 Konsep Pemikiran Kritis dalam Tradisi Barat

Pemikiran kritis (*critical thinking*) merupakan satu konsep yang telah berkembang secara signifikan dalam tradisi pemikiran Barat, bermula sejak era falsafah Yunani Kuno. Tokoh-tokoh seperti Socrates, Plato dan Aristotle dianggap perintis awal kepada pendekatan ini. Socrates memperkenalkan *Socratic method* iaitu satu teknik soal jawab yang bertujuan mencabar andaian dan merangsang penalaran rasional. Plato pula menekankan pentingnya pemikiran reflektif dalam mencapai kebenaran hakiki, manakala Aristotle membangunkan asas logik deduktif dan induktif yang menjadi teras kepada pemikiran analitikal (Paul & Elder, 2016).

Dalam abad ke-20, konsep ini diperluas dan diperhalusi oleh tokoh pendidikan seperti John Dewey yang memperkenalkan istilah *reflective thinking*, merujuk kepada proses membuat keputusan secara berhati-hati dan berasaskan pemerhatian rasional (Mhd Faizal Mhd Ramli et al., 2022). Seterusnya, Watson dan Glaser (1940–1961) menekankan elemen analisis berasaskan fakta dan bukti dalam mentakrifkan pemikiran kritis, manakala Ennis (1962–1979) menemukannya sebagai satu proses rasional dan reflektif yang fokus kepada penilaian dan pembuatan keputusan melalui deduksi dan induksi.

Selain itu, Halpern (1998) melihat pemikiran kritis sebagai satu bentuk strategi kognitif yang meningkatkan kecekapan membuat keputusan, manakala Huitt menambah bahawa ia adalah aktiviti mental yang menilai hujah secara objektif untuk mencapai kesimpulan yang munasabah (Mhd Faizal Mhd Ramli et al., 2022). Pandangan-pandangan ini disokong oleh tokoh-tokoh lain seperti Bloom (1956), Moore & Parker (2012), serta Meyers (1986), yang masing-masing menekankan dimensi intelektual, analitikal, dan sistematik dalam pemikiran kritis.

Kemunculan pendekatan Delphi oleh Facione (2020) telah memberikan satu kerangka yang mantap dalam memahami pemikiran kritis. Melalui konsensus pakar, enam komponen utama dikenal pasti: penafsiran, analisis, penilaian, inferens, penjelasan, dan kawalan sendiri. Facione juga menekankan bahawa pemikiran kritis bukan sahaja merangkumi kemahiran kognitif, tetapi turut melibatkan kecenderungan intelektual untuk menggunakannya dalam situasi sebenar.

Secara keseluruhan, pemikiran kritis dalam tradisi Barat digambarkan sebagai kemampuan intelektual yang aktif, berdisiplin dan terarah, yang membolehkan individu menilai maklumat secara objektif, bebas daripada bias, emosi atau gangguan maklumat yang tidak relevan. Ia kini diiktiraf sebagai kemahiran teras abad

ke-21 yang merentas pelbagai disiplin ilmu serta penting dalam membuat keputusan beretika dan berasaskan maklumat yang sahih.

## 1.2 Konsep Pemikiran Kritis dalam Perspektif Islam

Dalam tradisi Islam, pemikiran kritis bukanlah konsep asing, bahkan merupakan aspek penting yang digariskan dalam al-Quran dan Sunnah. Islam menganjurkan penggunaan akal secara aktif dan rasional dalam menilai, menganalisis serta memahami kebenaran. Antara istilah yang sering dikaitkan dengan konsep ini dalam al-Quran ialah tafakkur, yang merujuk kepada proses refleksi mendalam terhadap kejadian alam dan hubungan antara makhluk dengan Pencipta. Allah SWT menggambarkan ciri orang beriman sebagai mereka yang sentiasa berzikir dan merenung ciptaan-Nya, seperti yang disebut dalam Surah Ali-'Imran, ayat 191 (Badri, 1995; Badi, 2017).

Al-Quran mendorong pemikiran kritis melalui pelbagai pendekatan seperti dorongan berfikir, soalan retorik, dan penceritaan. Ayat-ayat seperti Surah al-Rum (21) dan al-Nahl (69) mengajak manusia meneliti tanda-tanda kebesaran Allah di alam sekeliling, manakala soalan retorik dalam Surah al-Rum (8) dan al-A'raf (184) bertujuan mengetuk jiwa manusia agar merenung realiti kewujudan dan kebesaran Tuhan. Penceritaan pula, seperti dalam Surah Yusuf (111) dan al-Hasyr (21), menggabungkan logik dan emosi dalam menyampaikan mesej yang mendalam serta membina kesedaran reflektif terhadap hakikat kehidupan.

Selain itu, Surah Muhammad (24) dan Surah Sad (29) menekankan kepentingan memahami wahyu secara kritis dan mendalam agar ia menjadi petunjuk bagi orang-orang yang berakal. Dalam hal ini, pemikiran kritis dalam Islam melibatkan gabungan pemerhatian, penilaian hujah, dan refleksi, selaras dengan prinsip keadilan dan kebenaran yang dipandu wahyu (Mhd Faizal Mhd Ramli, 2022).

Sunnah Nabi Muhammad S.A.W turut memperlihatkan amalan pemikiran kritis dalam bentuk dialog, ijthad, dan pencerahan pemikiran. Nabi S.A.W sering mendorong para sahabat untuk menyemak kesahihan maklumat dan tidak menyebarkan sesuatu secara semberono. Kisah Mu'adz ibn Jabal yang diutus ke Yaman menjadi contoh signifikan apabila beliau diajar membuat keputusan berdasarkan al-Quran, Sunnah, dan ijthad sebagai satu bentuk pemikiran reflektif yang mendapat pengiktirafan baginda (Faqihi, 2006).

Pendekatan ini diteruskan oleh para sahabat, antaranya Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang menegaskan pentingnya dialog terbuka dan pembetulan terhadap kepimpinan melalui ucapannya: "Jika aku melakukan kesalahan, betulkanlah aku". Prinsip ini menandakan bahawa akal dan rasional adalah elemen penting dalam pengurusan umat dan penentuan hukum, selagi ia berpaksikan syariat (Jamal, 2005).

Pemikiran kritis dalam Islam turut ditegaskan oleh ulama kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi (1996) yang menyatakan bahawa al-Qur'an berulang kali menyeru manusia untuk berfikir (*yatafakkarun*), merenung (*yatadabbarun*) dan menggunakan akal (*ya'qilun*) dalam memahami hakikat kebenaran. Akal tidak hanya diberi tempat yang mulia, malah dipertanggungjawabkan untuk mengenal dan menilai antara yang hak dan batil.

Konsep ini juga bersifat tauhidi, iaitu berpaksikan kepada keesaan Allah sebagai sumber nilai mutlak. Noraini Junoh et al. (2021) menjelaskan bahawa pemikiran kritis dalam Islam berbeza daripada pendekatan Barat yang cenderung bebas daripada nilai tetap. Sebaliknya, Islam menyeimbangkan antara rasionalisme dan panduan wahyu agar tidak terjerumus ke dalam relativisme atau liberalisme yang melampau.

Tokoh-tokoh klasik seperti Imam al-Ghazali, Ibn Khaldun, dan Al-Shatibi menekankan peranan akal dan refleksi dalam proses memperoleh ilmu. Al-Ghazali (2012) dalam *Mi'yār al-'Ilm* menekankan penggunaan logik sebagai alat penting dalam proses berfikir. Beliau menggabungkan pendekatan rasional dengan prinsip-prinsip keagamaan, menunjukkan bahawa logik dapat digunakan untuk memahami dan mempertahankan ajaran Islam. Dalam masa yang sama, beliau menekankan pentingnya niat dan etika dalam penggunaan ilmu serta mengkritik penggunaan logik yang tidak disertai dengan kesedaran spiritual.



Sementara itu, Ibn Khaldun (2004) dalam *al-Muqaddimah* memperkenalkan *'ilm al-'umran* (ilmu peradaban), satu pendekatan saintifik yang menekankan analisis rasional, empirikal, dan kritikal terhadap sejarah dan masyarakat. Beliau menolak penerimaan buta terhadap naratif sejarah, dan menekankan pentingnya logik serta pengalaman dalam menilai kebenaran. Menurut beliau, logik adalah alat bantu penting dalam memahami ilmu-ilmu lain, namun harus digunakan secara seimbang dan tidak mengabaikan realiti empirikal.

Al-Syatibi (2017) pula melalui *al-Muwafaqat* menyatakan bahawa memahami *maqasid al-shariah* memerlukan renungan kritis terhadap maslahat dan hikmah di sebalik sesuatu hukum. Dalam konteks ini, hadis Nabi juga menjadi medium penting yang mengandungi elemen-elemen pertuturan seperti arahan, pertanyaan, dan pernyataan yang mendorong analisis dan pemikiran reflektif. Pertanyaan Nabi sering membuka ruang kepada sahabat untuk berfikir secara mendalam, manakala arahan baginda membawa mesej pendidikan yang membentuk keupayaan membuat keputusan secara bijaksana.

Secara keseluruhan, pemikiran kritis dalam Islam adalah suatu usaha intelektual yang berteraskan wahyu, logik, dan nilai moral yang tinggi. Ia membina umat yang bukan sahaja patuh kepada ajaran agama, tetapi juga mampu menilai, meneliti, dan membuat keputusan yang tepat berasaskan prinsip kebenaran dan keadilan yang syumul.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara induktif yang berfokus kepada analisis kandungan teks Hadis Nabawi, khususnya dalam karya Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah*. Pendekatan ini membolehkan peneliti mendalami dan memahami secara komprehensif elemen-elemen pemikiran kritis yang terkandung dalam hadis-hadis terpilih, berlandaskan kerangka teori pemikiran kritis yang dibina berdasarkan Laporan Delphi oleh Facione (2020).

Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif dengan penekanan pada analisis wacana dan tindakan pertuturan yang memaparkan aspek-aspek pemikiran kritis seperti analisis, penilaian, inferens, penjelasan, dan refleksi diri. Hadis-hadis dipilih secara bertujuan dari Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah* berdasarkan kriteria nilai pedagogi yang tinggi dan relevansi kandungannya dalam membentuk pemikiran Islam yang analitikal dan kritis.

Teks utama kajian ialah Hadis *Arba'in al-Nawawiyyah*, sebuah kompilasi hadis sahih yang diiktiraf dan sering dirujuk dalam pengajian Islam. Pemilihan teks ini disokong oleh kekayaan tematik yang meliputi aspek aqidah, akhlak, muamalah dan prinsip syariah secara ringkas namun padat (Al-Bugha et al., 2016; Zitouni et al., 2022). Data sokongan diperoleh daripada sumber sekunder berautoriti seperti artikel jurnal, tesis, dan buku rujukan terkini yang diakses melalui pangkalan data digital seperti Google Scholar, ResearchGate, serta perpustakaan institusi pengajian tinggi. Sumber-sumber ini digunakan untuk memperkukuh kefahaman terhadap konsep pemikiran kritis dalam konteks Islam dan membina kerangka konseptual yang mantap dan kukuh.

Kaedah utama yang digunakan adalah analisis kandungan seperti yang dijelaskan oleh Krippendorff (2004), yang menekankan aspek kebolehpercayaan dan kebolehlugan dalam membuat inferens dari data teks. Analisis dijalankan secara sistematik melalui skema pengkodan yang dibina berasaskan definisi kemahiran pemikiran kritis menurut Laporan Delphi (Facione, 2020) yang melibatkan pandangan 46 pakar pelbagai disiplin. Dengan pendekatan ini, kajian berupaya menghasilkan pemahaman mendalam dan terperinci mengenai dimensi pemikiran kritis dalam hadis, sekaligus menyumbang kepada pengembangan ilmu pemikiran Islam yang kritis dan konstruktif. Jadual 1 memperincikan definisi setiap kemahiran pemikiran kritis menurut laporan tersebut, menjadi panduan utama dalam proses analisis.

Jadual 1: Kemahiran Pemikiran Kritis menurut Laporan Delphi

<b>Kemahiran</b>	<b>Definisi</b>	<b>Sub-kemahiran</b>
Penafsiran ( <i>Interpretation</i> )	“Untuk memahami dan menyatakan maksud atau kepentingan terhadap pelbagai jenis pengalaman, situasi, data, peristiwa, pertimbangan, perbincangan, kepercayaan, peraturan, prosedur, atau kriteria” (Facione, 2020)	Mengategorikan Mengekod Menjelaskan maksud
Analisis (Analysis)	“Untuk mengenal pasti hubungan inferens yang dimaksudkan dan yang sebenar berdasarkan pernyataan, soalan, konsep, huraian atau bentuk perwakilan lain yang bertujuan menyatakan kepercayaan, pertimbangan, pengalaman, sebab-sebab, maklumat atau pendapat” (Facione, 2020)	Menyiasat idea Mengenalpasti persoalan Mengenalpasti sebab musabab
Inferens ( <i>Inference</i> )	“Untuk mengenal pasti dan menjamin elemen yang diperlukan untuk membuat kesimpulan yang munasabah; membentuk andaian dan hipotesis; mempertimbangkan maklumat yang relevan” (Facione, 2020)	Membuat penyiasatan Memilih alternatif Membuat rumusan yang logik dan justifikasi
Penilaian ( <i>Evaluation</i> )	“Untuk menilai kredibiliti pernyataan atau perwakilan lain yang merupakan rujukan atau penerangan tentang persepsi, pengalaman, situasi, pertimbangan, kepercayaan, atau pandangan; dan menilai kekuatan logik kesimpulan sebenar atau yang dimaksudkan terhadap hubungan antara pernyataan, huraian, soalan atau lain bentuk perwakilan” (Facione, 2020)	Membuat penilaian terhadap tuntutan Menilai menggunakan penaakulan/ pertimbangan induktif atau deduktif
Penjelasan ( <i>Explanation</i> )	“Untuk membuat penjelasan menggunakan pendekatan penaakulan berasaskan pembuktian, konsep dalam membuat keputusan, mempertimbangkan kaedah, ciri-ciri dan mengikut keadaan berdasarkan keputusan seseorang; dan untuk mengemukakan penaakulan seseorang dalam bentuk hujah yang meyakinkan.” (Facione, 2020)	Menyatakan keputusan Membuat justifikasi terhadap proses yang diambil Mengemukakan hujah
Penilaian-Kendiri ( <i>Self-Regulation</i> )	“Membuat refleksi untuk memantau aktiviti kognitif sendiri, elemen yang digunakan dalam aktiviti tersebut, dan hasil yang diperoleh, terutamanya dengan menggunakan kemahiran dalam menganalisis, dan penilaian terhadap pertimbangan kesimpulan sendiri dengan tujuan mempersoal, membuat kepastian, membuktikan, atau membetulkan alasan atau keputusan sendiri” (Facione, 2020)	Pemantauan sendiri Pembetulan sendiri

### 3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Huraian berikut menunjukkan sebahagian Hadis *Arba'in al-Nawawiyah* yang mengandungi elemen-elemen pemikiran kritis menurut Laporan Delphi.

#### 3.1 Elemen Kawalan Kendiri

Salah satu aspek penting dalam pemikiran kritis Islam ialah keupayaan individu untuk mengawal emosi, khususnya kemarahan. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a memberi tumpuan yang amat jelas kepada aspek ini:

"جاء رجلٌ إلى النبي ﷺ، فقال: أوصني، قال: لا تغضب، فردد مراراً، قال: لا تغضب"

Terjemahan: "Seorang lelaki berkata kepada Nabi S.A.W: 'Berilah aku wasiat (nasihat)'. Maka Baginda bersabda: 'Jangan marah.' Lelaki itu mengulangi permintaannya beberapa kali, dan setiap kali itu juga Baginda menjawab: 'Jangan marah.'" (Al-Nawawi, 2010)

Hadis ke-16 dalam Hadis *Arba'in al-Nawawiyah* ini bukan sahaja menunjukkan pendekatan Nabi S.A.W yang ringkas tetapi padat, malah memperlihatkan strategi komunikasi berkesan yang menekankan fokus, pengulangan dan pemahaman mendalam terhadap latar belakang individu. Ibn Hajar al-'Asqalani (2000) menjelaskan bahawa nasihat ini diberikan dalam konteks praktikal; manakala menurut Al-Khattabi (2016), ia mungkin ditujukan kepada seseorang yang diketahui mudah marah atau hidup dalam persekitaran sosial yang mencetuskan kemarahan.

Daripada perspektif teori ilokusi (Searle, 1969), frasa "لا تغضب" berfungsi sebagai ujaran direktif yang menuntut pengawalan diri secara aktif daripada pendengar. Ucapan ini bukan bersifat pasif, tetapi menyeru kepada tindakan reflektif yang menahan diri daripada tindak balas impulsif. Pengulangan nasihat tersebut memperkukuh mesej penting bahawa kawalan emosi merupakan asas kepada pembangunan akhlak dan kematangan intelektual.

Dalam kerangka pemikiran kritis Islam, aspek kawalan sendiri ini bersesuaian dengan komponen utama seperti yang digariskan dalam Laporan Delphi (Facione, 2020), iaitu *self-regulation*. Komponen ini merujuk kepada kebolehan seseorang untuk menilai pemikiran dan emosi sendiri secara berterusan, serta membuat keputusan berdasarkan pertimbangan moral dan logik. Dalam konteks ini, sabda Nabi S.A.W menjadi panduan kepada pembentukan kesedaran diri (*emotional self-awareness*) dan kekuatan dalaman untuk menahan desakan nafsu amarah.

Hadis ini juga mempunyai nilai pencegahan yang strategik. Ia mendorong seseorang untuk mengenal pasti pencetus kemarahan sebelum emosi itu menguasai tindakan. Prinsip ini bertepatan dengan prinsip pemikiran reflektif sebagai satu bentuk keupayaan menilai kesan jangka panjang sesuatu tindak balas dan mengelakkan tindakan reaktif yang membawa penyesalan. Dalam era kontemporari yang penuh tekanan sosial dan emosi, mesej ini kekal relevan dan kritikal. Sabda Nabi S.A.W yang lain memperkukuh makna kawalan sendiri sebagai kekuatan sebenar:

"لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرَعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ"

Terjemahan: "Orang yang kuat bukanlah orang yang menang dalam gusti, tetapi orang yang dapat mengawal dirinya ketika marah." (al-Bukhari & Muslim)

Hadis ini menawarkan tafsiran semula terhadap konsep kekuatan: ia tidak lagi diukur secara fizikal, tetapi melalui kecerdasan emosi dan ketajaman akal dalam menghadapi provokasi. Maka, kawalan sendiri dalam Islam bukan sekadar sikap pasrah, tetapi merupakan hasil dari disiplin intelektual, kesedaran rohani dan pertimbangan rasional yang tinggi. Secara keseluruhan, pendekatan Nabi S.A.W dalam hadis ini memperlihatkan satu bentuk strategi pendidikan intelektual yang halus tetapi berkesan. Ia menyatukan unsur spiritual, moral dan kognitif, lalu melatih individu muslim untuk berfikir sebelum bertindak, menilai dengan

akal sebelum membalas dengan emosi. Maka, kawalan terhadap kemarahan bukan hanya ibadah, tetapi satu tindakan kritis yang membentuk insan yang tenang dalam prinsip, tegas dalam kebenaran, dan cerdas dalam memilih reaksi.

### 3.2 Elemen Penjelasan

Hadis ke-2 dalam koleksi Hadis *Arba'in al-Nawawiyah*:

...الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله، وتقيم الصلاة، وتؤتي الزكاة، وتصوم رمضان، وتحتج النبت إن استطعت إليه سبيلاً. قال: صدقت. فعجبنا له يسأله ويصدقُه! قال: فأخبرني عن الإيمان. قال: أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر، وتؤمن بالقدر خيره وشره. قال: صدقت. قال: فأخبرني عن الإحسان. قال: أن تعبد الله كأنك تراه، فإن لم تكن تراه فإنه يراك. قال: فأخبرني عن الساعة. قال: ما المسؤول عنها بأعلم من السائل. قال: فأخبرني عن آياتها؟ قال: أن تلد الأمة ربتها، وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان. ثم انطلق، فلبثت ملياً، ثم قال: يا عمر أتدري من السائل؟ قلت: الله ورسوله أعلم. قال: فإنه جبريل أتاكم يعلمكم دينكم.

Terjemahan: “Islam itu adalah: engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Allah, dan sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W adalah utusan Allah, dan engkau mendirikan solat, dan engkau melaksanakan zakat, dan engkau berpuasa di bulan Ramadan, serta engkau melaksanakan haji sekiranya engkau mampu pergi ke sana. Dia berkata: benarlah sabdaanmu. Kami berasa takjub (hairan) terhadapnya, dia bertanya kepada Baginda dan dia juga yang membenarkan jawapan Baginda. Dia berkata lagi: beritahulah aku tentang iman? Baginda bersabda: engkau beriman dengan Allah, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan Hari Akhirat serta engkau beriman dengan takdir ketentuan-Nya, yang baik atau yang buruk. Dia berkata: benarlah sabdaanmu. Kemudian dia berkata lagi: beritahulah aku tentang ihsan? Baginda bersabda: Kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, dan sekiranya kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihat kamu. Kemudian dia berkata lagi: beritahulah aku tentang Hari Kiamat? Baginda bersabda: pihak yang ditanya tidaklah lebih mengetahui tentang perkara ini berbanding pihak yang bertanya. Dia berkata: maka beritahulah aku tentang tanda-tandanya? Baginda bersabda: apabila si ibu melahirkan tuannya, dan apabila engkau melihat orang yang tidak berkasut, dan telanjang, lagi miskin, serta mengembala kambing, saling berlumba-lumba meninggikan bangunan/binaan. Kemudian, dia (lelaki itu) pun berlalu pergi, dan aku pun tinggal terdiam (tidak bertanya) agak lama. Setelah itu, Baginda bersabda kepadaku: wahai Umar! Adakah kamu mengetahui siapakah yang bertanya itu? Aku berkata: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Baginda pun bersabda: sesungguhnya dia adalah Jibrail a.s, dia telah datang kepada kamu bagi mengajar kamu tentang agama kamu.” (al-Nawawi, 2010)

Hadis Jibril bukan sekadar naratif klasik dalam sejarah Islam, tetapi sebuah teks pendidikan yang merumuskan keseluruhan kerangka agama dalam satu dialog yang sangat padat, tersusun, dan penuh hikmah. Diriwayatkan melalui interaksi antara Nabi S.A.W dan Malaikat Jibril dalam bentuk soal jawab, hadis ini menjelaskan tiga komponen teras dalam ajaran Islam: Islam, iman, dan ihsan, serta memberi isyarat kepada tanda-tanda besar Hari Kiamat. Sebagaimana ditegaskan oleh Imam Al-Nawawi (2010) dan Ibn Hajar (2000), kedalaman isi kandungan hadis ini menjadikannya sumber primer dalam memahami dimensi zahir dan batin agama secara menyeluruh.

Dalam konteks pemikiran kritis, aspek utama yang terpancar dalam hadis ini ialah elemen penjelasan (*explanation*) merupakan satu daripada enam elemen utama menurut Laporan Delphi (Facione, 2020). Elemen ini merangkumi keupayaan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas, sistematik, dan berasaskan logik serta etika. Nabi S.A.W mempersembahkan jawapan kepada setiap persoalan dengan struktur yang kukuh dan hujahan yang mendalam, menjadikan maklumat yang disampaikan bukan sekadar makluman pasif, tetapi suatu bentuk pencerahan intelektual dan rohani.



Apabila ditanya tentang Islam, baginda menjelaskan lima rukun asas iaitu; syahadah, solat, zakat, puasa dan haji. Jawapan ini bukan hanya berbentuk senarai amalan, tetapi satu rumusan holistik terhadap dimensi amaliah seorang muslim. Ia mencerminkan pendekatan lakuan asertif (Searle, 1969), di mana pernyataan yang dibuat adalah tegas, tepat dan bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman serta membina autoriti keilmuan dalam komunikasi dakwah.

Pertanyaan tentang iman pula dijawab dengan menyebut enam rukun kepercayaan. Jawapan ini mengangkat aspek epistemologi Islam sebagai satu struktur pemikiran yang merangkumi unsur metafizik (Allah, malaikat, kitab), sejarah kenabian (rasul), dan eskatologi (hari akhirat dan qada' qadar). Di sini Nabi S.A.W menyampaikan penjelasan tentang realiti yang tidak dapat dicerap pancaindera, namun sangat penting untuk pembangunan kesedaran etika dan spiritual seseorang mukmin (Al-Ghazali, 2005).

Jawapan tentang ihsan pula menampilkan satu puncak dimensi rohani: *"Kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya; jika tidak, maka sesungguhnya Dia melihat kamu."* Ini bukan hanya jawapan literal, tetapi penjelasan bersifat eksistensial, yang mengangkat nilai kesedaran rohani (*muraqabah*) dan keikhlasan sebagai landasan dalam semua bentuk amal ibadah (Ibn Rajab, 2008). Inilah dimensi *deep explanation* yang menjelaskan bukan sekadar apa yang perlu dibuat, tetapi mengapa dan bagaimana ia harus dilakukan dengan penuh sedar dan jujur.

Apabila tiba pertanyaan tentang Hari Kiamat, Nabi S.A.W tidak memberi tarikh atau ramalan ghaib. Sebaliknya, baginda dengan rendah diri menjawab: *"Orang yang ditanya tidak lebih tahu daripada yang bertanya."* Jawapan ini menampilkan kejujuran epistemologi dan pengiktirafan terhadap keterbatasan manusia dalam pengetahuan ghaib (Ibn Kathir, 1999). Namun, baginda tetap menjelaskan tanda-tandanya dalam bentuk simbolik dan kritikal seperti perubahan nilai sosial dan ketidakseimbangan dalam struktur kekuasaan dan ekonomi. Ucapan ini, sebagaimana dijelaskan oleh al-Qurtubi (2006), mengandungi kritikan sosial tersirat yang memerlukan pemikiran mendalam dan refleksi kritis daripada para pendengar.

Dari sudut pragmatik, hadis ini adalah contoh agung komunikasi berstrategi tinggi. Nabi S.A.W menggunakan gaya penyampaian interaktif (*hiwar*), yang menjemput para sahabat dan seluruh umat untuk berfikir, menganalisis, dan membuat refleksi terhadap setiap komponen agama (Syahrizal Afandi, 2020). Proses ini membina kesedaran intelektual dan kerohanian, yang melangkaui pembelajaran biasa kepada suatu bentuk pendidikan transformasi.

Melalui lakuan asertif dalam jawapan-jawapan baginda, dapat dilihat bagaimana penjelasan sebagai elemen pemikiran kritis diangkat ke tahap tertinggi. Baginda tidak hanya memberi maklumat, tetapi membentuk cara fikir, memperkukuh iman, dan mendorong perubahan sikap serta tindakan. Inilah yang menjadikan Hadis Jibril bukan sekadar teks agama, tetapi model komunikasi dakwah dan pedagogi kritis yang relevan sepanjang zaman.

### 3.3 Elemen Inferens

Hadis ke-32 dalam koleksi Hadis *Arba 'in al-Nawawiyyah*:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: *"Tidak ada kemudaratannya dan tidak boleh melakukan kemudaratannya."* (al-Nawawi, 2010).

Walaupun ringkas dan terdiri daripada dua perkataan utama, hadis ini memuatkan inti sari prinsip perundangan Islam yang luar biasa luas dan mendalam. Ia tidak hanya menggariskan larangan terhadap kemudaratannya, malah mencetuskan suatu kerangka pemikiran normatif yang menggabungkan etika, undang-



undang, dan kebijaksanaan sosial. Hadis ini turut berperanan sebagai salah satu daripada lima *al-qawa'id al-fiqhiyyah al-kubra* (kaedah fiqh utama) dan menjadi asas kepada pelbagai penggubalan hukum dalam bidang muamalat, perundangan sivil, serta amalan kehidupan harian umat Islam (Ibn Rajab, 2008).

Dari sudut linguistik dan semantik, istilah *dharar* merujuk kepada kemudaratannya yang dilakukan tanpa sebab yang sah, manakala *dhirar* pula menunjukkan tindak balas yang membalas kemudaratannya dengan niat yang bersifat jahat atau balas dendam (Al-Tibi, 1997). Penggunaan kedua-dua istilah ini secara serentak dalam satu ungkapan pendek membawa maksud pencegahan menyeluruh terhadap segala bentuk kemudaratannya sama ada yang aktif mahupun reaktif. Ini mencerminkan pendekatan menyeluruh syariat dalam menghapuskan kezaliman dan menegakkan keadilan.

Dalam konteks pemikiran kritis, hadis ini sangat relevan dalam memperkukuh elemen inferens – iaitu keupayaan untuk membuat kesimpulan yang rasional dan beretika berdasarkan prinsip umum terhadap situasi yang spesifik. Hadis ini bukan sekadar melarang kemudaratannya secara literal, sebaliknya membuka ruang luas untuk proses penaakulan dan penilaian implikasi. Menurut Facione (2020), inferens merupakan kemampuan untuk menghubungkan premis kepada kesimpulan yang logik dan bertanggungjawab. Maka, seorang muslim yang menghayati hadis ini tidak hanya mematuhi perintah zahir, tetapi juga menimbang kesan jangka pendek dan panjang sesuatu tindakan terhadap kesejahteraan manusia dan keseimbangan sosial.

Sebagai contoh, dalam situasi konflik rumah tangga, hadis ini mendorong pihak yang terlibat untuk menilai – adakah tindakan mempertahankan ego atau membalas dendam akan membawa lebih banyak mudarat berbanding penyelesaian secara hikmah dan ihsan? Sekiranya tindakan tersebut mendatangkan kesan buruk yang berpanjangan, maka secara inferens, tindakan itu adalah bertentangan dengan kandungan hadis ini meskipun secara teknikal ia tidak melanggar mana-mana nas zahir. Dalam konteks pentadbiran pula, hadis ini menggesa para penggubal dasar agar menilai setiap keputusan dari sudut kesan kepada rakyat, termasuk implikasi alam sekitar, jurang ekonomi, atau tekanan mental yang tidak kelihatan secara langsung tetapi membawa mudarat besar dalam jangka panjang.

Kebijaksanaan strategik Nabi S.A.W dalam hadis ini turut terserlah melalui bentuknya yang padat tetapi kaya makna. Baginda tidak menyenaraikan satu persatu bentuk kemudaratannya, sebaliknya menyampaikan satu prinsip universal yang fleksibel, sesuai dengan sifat syariat yang melampaui ruang dan masa. Hadis ini bukan sahaja bertindak sebagai pencegah kezaliman, malah sebagai mekanisme sosial untuk memutuskan kitaran balas dendam dan emosi yang merosakkan. Ini menunjukkan bagaimana inferens memainkan peranan penting dalam mengubah nilai menjadi panduan tindakan yang lestari.

Dalam era moden, pelbagai bentuk kemudaratannya baharu seperti penyebaran maklumat palsu, eksploitasi teknologi, pencemaran alam, dan ketidakseimbangan ekonomi menjadi ujian kepada keupayaan umat Islam dalam membuat inferens yang tepat berasaskan prinsip syarak. Misalnya, penyebaran berita palsu di media sosial walaupun tidak disabitkan secara langsung dalam nas, tetap merupakan *dharar* yang menjejaskan maruah, keharmonian masyarakat, dan boleh mencetuskan fitnah berskala besar (al-Qaradawi, 1996). Oleh itu, inferens yang bijak diperlukan untuk menyesuaikan prinsip hadis ini dalam menangani realiti baharu secara adil dan berintegriti.

Kesimpulannya, hadis "*la dharar wa la dhirar*" adalah contoh unggul bagaimana wahyu bukan hanya sumber hukum, tetapi juga pencetus pemikiran kritis berasaskan inferens. Ia meletakkan tanggungjawab ke atas individu dan institusi untuk menilai tindakan bukan sekadar dari segi halal-haram, tetapi juga dari sudut impak moral dan sosial yang lebih luas. Maka, hadis ini tidak hanya mengajar tentang larangan, tetapi membina kerangka berfikir yang menuntut ketelitian, empati, dan kebertanggungjawaban dalam setiap tindakan.

### 3.4 Elemen Penilaian

Hadis ke-35 dalam Hadis *Arba' in al-Nawawiyah*, diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, memuatkan satu rangka etika sosial yang bersifat strategik dan progresif. Sabda Nabi S.A.W:

لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِغْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ، وَكُنُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا...

Terjemahan: “*Janganlah kamu saling dengki-mendengki, janganlah kamu saling tipu-menipu, janganlah kamu saling benci-membenci, janganlah kamu saling memutuskan hubungan, dan janganlah sebahagian kamu menjual atas jualan orang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara...*” (Al-Nawawi, 2010)

Hadis ini mengandungi elemen penilaian kritis yang tajam terhadap pelbagai tingkah laku sosial yang boleh merosakkan struktur masyarakat. Dalam kerangka pemikiran kritis, penilaian merujuk kepada keupayaan menilai makna, moraliti, dan kesan suatu perbuatan terhadap kesejahteraan bersama (Facione, 2020). Justeru, hadis ini bukan sekadar seruan etika, tetapi menyediakan neraca pertimbangan terhadap tindakan individu dan sosial.

Pertama, larangan terhadap hasad (*tahasud*) menekankan kepentingan stabiliti emosi dan sosial. Hasad bukan sahaja merosakkan hubungan, tetapi mencetuskan budaya persaingan tidak sihat dan permusuhan terselindung. Imam al-Ghazali (2005) menyifatkan hasad sebagai penyakit hati yang menutup pintu syukur dan kasih sayang, sekali gus menggugat keharmonian kolektif. Dalam konteks penilaian kritis, umat Islam dituntut menilai perasaan mereka: adakah emosi itu mendorong kepada pembaikan diri, atau menjadi racun sosial?

Kedua, larangan terhadap penipuan dalam jual beli (*tanajashu*) memberi penekanan terhadap keadilan ekonomi. Dalam dunia digital masa kini, bentuk-bentuk baharu penipuan seperti “*scam*”, “*spoofing*” dan manipulasi algoritma pasaran mewujudkan ketidaksamarataan struktur ekonomi. Ibn Khaldun (2004) menyatakan bahawa keadilan adalah asas kepada kelangsungan sesebuah tamadun; oleh itu, tindakan ekonomi mesti dinilai dari segi impaknya kepada peredaran keadilan dan kebajikan masyarakat, bukan hanya keuntungan jangka pendek.

Ketiga, larangan terhadap kebencian dan pemutusan hubungan sosial menyerlahkan keperluan membina jaringan sosial berteraskan perdamaian dan empati. Imam al-Syatibi (2017) menjelaskan bahawa maqāsid al-sharī'ah menggariskan *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa) dan *hifz al-'ird* (penjagaan maruah) yang hanya boleh direalisasikan apabila masyarakat bebas daripada permusuhan dalaman. Maka, pemikiran kritis menuntut penilaian terhadap apakah tindakan atau pendirian seseorang mendorong kepada keharmonian, atau memperluas jurang sosial.

Keempat, larangan menjual atas jualan orang lain mendorong kepada etika perniagaan yang lestari. Dalam era kapitalisme yang agresif, tindakan seperti sabotaj pesaing, peniruan produk, dan eksploitasi pasaran dilihat sebagai strategi sah walaupun dari sudut moral adalah tercela. Nabi S.A.W mendidik umatnya untuk menilai keberkatan rezeki, bukan semata-mata kebolehannya menjana keuntungan (Al-Bugha et al., 2016).

Hadis ini juga menutup dengan peringatan tegas: darah, harta dan maruah setiap Muslim adalah haram untuk dicabuli. Ini menjadi kerangka utama kepada konsep hak asasi dalam Islam yang menuntut penilaian moral dan syar'ie terhadap setiap bentuk kuasa atau tindakan. Al-Syatibi (2017) menegaskan bahawa penjagaan lima darurat (*al-dharuriyyat al-khams*) iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta suatu yang tidak boleh dicapai tanpa prinsip larangan terhadap pencerobohan ini.

Makna ilokusi dalam sabda Nabi S.A.W "التقوى هاهنا":sambil menunjuk ke dada, menggambarkan bahawa setiap penilaian moral harus berakar pada taqwa. Menurut Ali ibn Abi Talib r.a dalam *Nahj al-Balaghah*, taqwa ialah perisai yang melindungi manusia dari dalam merupakan unsur dalaman yang membentuk

lensa penilaian yang benar (Al-Sharif al-Radi, 2004). Dalam wacana pemikiran kritis, ini menggambarkan *internal moral compass* yang menjadi asas etika Islam.

Akhirnya, sabda ini membentuk kerangka penilaian yang bersifat holistik sama ada dari aspek psikologi, ekonomi, sosial, hingga spiritual. Ia melatih umat untuk tidak hanya menurut perintah secara literal, tetapi menilai niat, kesan, dan nilai-nilai yang mendasari setiap tindakan. Dalam konteks dasar awam dan polisi sosial, hadis ini memberi panduan agar sebarang keputusan tidak hanya dinilai dari segi keberkesanan, tetapi dari aspek keadilan, kesaksamaan, dan kebijakan bersama.

### 3.5 Elemen Analisis

Hadis ke-6 daripada Hadis *Arba'in al-Nawawiyah* merupakan satu contoh klasik bagaimana Nabi S.A.W memperkenalkan asas pemikiran analitik dalam rangka hukum Islam. Sabda Baginda:

...إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِزِّضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَزُغِي حَوْلَ الْجَمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ جَمَى اللَّهِ مَحَارِمَهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ .

Terjemahan: “*Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas dan sesungguhnya perkara yang haram itu jelas dan di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang kabur (syubhah). Ramai dalam kalangan manusia tidak mengetahui perkara-perkara tersebut. Barangsiapa yang memelihara dirinya daripada perkara-perkara syubhah, maka dia telah mencari keselamatan (memelihara) bagi agama dan maruahnyanya. Dan barangsiapa yang berada di dalam perkara syubhah, pastinya dia akan terjatuh ke dalam perkara yang haram. Ia adalah seperti seorang penggembala yang menggembala haiwan ternakannya di sekeliling kawasan larangan (raja) maka hampir-hampirlah dia mengambil bahagian makanan daripada kawasan larangan tersebut. Dan sesungguhnya bagi setiap raja itu ada kawasan larangannya dan kawasan larangan Allah adalah perkara-perkara yang diharamkan-Nya. Ambillah perhatian, sesungguhnya di dalam jasad ini ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah seluruh badan dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ambillah perhatian, daging itu adalah jantung/hati sanubari.*” (Al-Nawawi, 2010)

Hadis ini bukan semata-mata menyusun kategori hukum, tetapi merupakan rangka asas epistemologi etika Islam yang menekankan keperluan analisis mendalam dalam membuat keputusan moral dan hukum. Ia membentuk asas pemikiran kritis Islami yang menyatukan dimensi hukum, moral dan kerohanian dalam satu acuan pemikiran yang menyeluruh.

Pernyataan awal bahawa halal dan haram itu jelas mencerminkan pendekatan analitik Nabi S.A.W yang menggariskan dua sempadan tegas dalam tindakan moral. Ini menunjukkan bahawa pemahaman terhadap hukum bukan bersifat kabur atau relatif, sebaliknya harus didasari oleh prinsip *al-bayyinah* iaitu kejelasan melalui ilmu, dalil dan rasional hukum. Dalam konteks pemikiran kritis, ini adalah satu bentuk kategori analisis yang membezakan antara yang mutlak dan yang tidak. Menurut al-Syatibi (2017), pendekatan ini tidak menyekat kebebasan intelektual, malah menggalakkan pengamatan mendalam terhadap implikasi sesuatu perbuatan, meliputi bukan sahaja hukum fiqh, tetapi juga kesan sosial dan maqāsid di sebaliknya.

Nabi S.A.W dengan penuh hikmah memperkenalkan elemen syubhat iaitu zon kelabu antara halal dan haram sebagai medan ujian kepekaan etika dan intelektual umat Islam. Istilah “لا يعلمهن كثير من الناس” menunjukkan bahawa pengenalpastian terhadap syubhat memerlukan ilmu, konteks dan kefahaman yang mendalam, serta tidak boleh dilakukan secara taklid atau reaktif. Inilah ruang sebenar analisis kritis iaitu kebolehan menilai, mengkaji dan membezakan antara realiti yang zahir dan implikasi yang batin. Facione (2020) menekankan bahawa pemikiran kritis memerlukan keupayaan membuat pertimbangan rasional, interpretasi berasaskan bukti, serta kesedaran diri terhadap batas ilmu sendiri sebagai elemen yang selari dengan kehendak hadis ini.

Baginda kemudian memperkukuh pemahaman ini dengan satu analogi naratif: “Seperti penggembala yang membawa ternakannya di sekitar kawasan larangan, tidak mustahil ia akan memasuki kawasan tersebut.” Analogi ini menekankan bahawa menghampiri perkara syubhat tanpa kawalan adalah petanda kegagalan refleksi dan kekeliruan prinsip. Al-Ghazali (2012) menegaskan bahawa penggunaan analogi dalam hadis merupakan metodologi *ta’lim al-fikr al-naqid* dalam pengajaran pemikiran kritis secara simbolik, yang mampu menghubungkan hukum dengan akibatnya dalam realiti kehidupan.

Hadis ini ditutup dengan pernyataan ikonik: “Dalam tubuh manusia ada seketul daging; jika ia baik, maka baiklah seluruh jasad...” Ini menandakan bahawa keputusan moral dan hukum bukan hanya bergantung kepada kejelasan dalil tetapi juga kesucian hati. Ia adalah elemen metakognitif dalam pemikiran kritis, iaitu kesedaran terhadap proses berfikir itu sendiri dan niat di sebaliknya. Menurut Al-Ghazali (2005), hati merupakan medan ijtihad batin yang membentuk etika dalaman sebelum ia diterjemah kepada tindakan luaran.

Dalam era moden, garis antara halal, haram dan syubhat menjadi semakin kompleks, di mana isu riba dalam sistem kewangan, etika dalam penggunaan kecerdasan buatan, manipulasi dalam perniagaan digital, dan privasi data adalah antara medan yang menuntut analisis kritis mendalam. Syubhat hari ini bukan hanya berkaitan makanan atau transaksi, tetapi juga menyentuh dasar-dasar polisi, teknologi dan hubungan sosial global. Menurut Kamali (2008), umat Islam mesti memperkasa diri dengan ijtihad *jamaei* dan *tafaquh fi al-din* untuk menilai isu-isu kontemporari secara objektif dan holistik. Maka, hadis ini menyediakan asas kepada pembentukan masyarakat yang tidak hanya mematuhi hukum, tetapi memahami nilai dan rasional di sebaliknya.

Hadis ke-6 ini menggariskan satu pendekatan pemikiran kritis yang tuntas berpaksikan kejelasan dalil, sensitif terhadap ruang syubhat, menggunakan analogi untuk membina kesedaran, dan menilai tindakan berdasarkan integriti hati. Ia menunjukkan bahawa dalam Islam, analisis bukan semata-mata soal rasional secara teknikal, tetapi juga menuntut kedalaman rohani dan kejujuran intelektual. Model ini amat selari dengan takrif pemikiran kritis moden seperti yang dihuraikan oleh Facione (2020), yang menekankan pentingnya penilaian, refleksi dan kesedaran diri dalam membuat keputusan yang rasional dan bertanggungjawab.

### 3.6 Elemen Penafsiran

Hadis ke-8 daripada Hadis *Arba’in al-Nawawiyah* menyampaikan satu prinsip yang sarat dengan dimensi teologi, sosial dan politik:

...”أَمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ؛ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ، وَجَسَائِهِمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى.”

Terjemahan: “*Aku telah diperintahkan untuk membalas peperangan dengan manusia (yang melakukan peperangan) sehinggalah mereka menyaksikan bahawa sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah, dan sesungguhnya (Nabi) Muhammad itu adalah utusan Allah, dan mereka mendirikan solat, serta mereka melaksanakan zakat. Apabila mereka telah melakukan yang demikian itu, maka terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku, melainkan dengan hak (kebenaran) Islam dan perhitungan ke atas mereka adalah kepada Allah.*” (Al-Nawawi, 2010)

Secara literal, hadis ini memperlihatkan justifikasi untuk tindakan konfrontasi, namun pendekatan tafsiran yang berlandaskan pemikiran kritis membuka ruang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan kontekstual. Frasa pembukaan “أَمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ” bukanlah manifestasi kepada kekerasan literal, tetapi refleksi kepada mandat Ilahi yang bersifat strategik dan bersyarat. Perkataan “*umirtu*” (aku diperintahkan) memperlihatkan bahawa Nabi S.A.W tidak bertindak berdasarkan nafsu atau keputusan peribadi, tetapi tunduk kepada arahan wahyu yang memandu tindakannya secara objektif dan transenden (Ibn Hajar, 2000).

Dalam kerangka teori ilokusi (Searle, 1969), pernyataan ini berperanan sebagai deklarasi autoritatif di mana ia bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi menyatakan satu tindakan yang mencerminkan



autoriti wahyu. Justeru, tindakan Nabi S.A.W dilihat sebagai pelaksanaan perintah yang melangkaui kepentingan material, sebaliknya menegakkan struktur tauhid dan keadilan sosial.

Hadis ini juga secara eksplisit menyenaraikan tiga syarat utama bagi jaminan perlindungan darah dan harta: syahadah, solat, dan zakat. Ketiga-tiganya bukan hanya rukun ibadah, tetapi mewakili tiga asas dalam pembentukan masyarakat Islam iaitu; kepercayaan (iman), hubungan spiritual (ibadah), dan tanggungjawab sosial (muamalah). Penafsiran ini seiring dengan pandangan al-Qaradawi (1996) yang menegaskan Islam sebagai sistem yang holistik, menyeimbangkan antara dimensi rohani dan realiti sosial.

Pemikiran kritis memerlukan kepada menyelami konteks di sebalik teks. Hadis ini muncul dalam latar sejarah di mana umat Islam berada dalam tekanan dan ancaman ketenteraan dari musyrikin Quraisy. Maka, frasa "memerangi manusia" harus dilihat melalui lensa pertahanan strategik, bukan kekerasan ideologi. Ia konsisten dengan prinsip "لا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ" (tiada paksaan dalam agama) (Surah al-Baqarah: 256), yang menafikan unsur paksaan terhadap akidah. Penafsiran kritikal menekankan bahawa objektif tindakan ialah pemulihan keadilan dan keselamatan umat, bukan dominasi kepercayaan secara paksa (al-Tabari, 2007).

Menariknya, hadis ini berakhir dengan ungkapan "وَجَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ", yang membawa dimensi epistemologi dan etika dalam pentadbiran. Ia menunjukkan bahawa peranan Nabi S.A.W terhad kepada pelaksanaan syariat zahir, manakala penilaian batin dan nasib akhir individu tetap menjadi hak mutlak Allah SWT. Ini menolak sikap autoritarianisme dalam masyarakat, sekaligus mengangkat prinsip keadilan dan kerendahan diri dalam kepimpinan (Al-Ghazali, 2012).

Dalam konteks pemikiran kritis moden, seperti yang ditegaskan oleh Facione (2020), keupayaan untuk mentafsir teks secara mendalam melibatkan kemahiran menganalisis premis, memahami konteks, mengenal pasti andaian tersirat, serta menilai implikasi tindakan. Hadis ini, apabila ditafsir dengan pendekatan seperti ini, menjadi sumber utama dalam membina kerangka komunikasi dakwah dan kepimpinan Islam yang tidak hanya berpaksikan prinsip, tetapi juga kebijaksanaan dan etika kemanusiaan.

Kesimpulannya, elemen penafsiran dalam hadis ini memperlihatkan keperluan pendekatan pemikiran kritis yang seimbang antara literal dan kontekstual, antara perintah dan hikmah, antara prinsip dan realiti. Ini menjadikan hadis ini bukan sahaja teks keagamaan, tetapi juga model naratif kenabian yang sarat dengan nilai-nilai keilmuan, kemanusiaan dan keadilan sosial.

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa Hadis *Arba'in al-Nawawiyah* bukan sekadar kompilasi teks keagamaan, tetapi juga merupakan wadah penting dalam pembangunan keupayaan berfikir secara kritis dalam Islam. Melalui pendekatan kualitatif dan analisis kandungan wacana, dapatan kajian menunjukkan bahawa Nabi S.A.W tidak hanya menyampaikan ajaran secara dogmatik, sebaliknya mengaktifkan pemikiran analitikal para sahabat melalui strategi komunikasi yang mendalam, berasaskan kefahaman, logik dan etika. Antara teknik yang dikenalpasti ialah penggunaan kaedah soal jawab sebagai alat eksplorasi kognitif, analogi sebagai pengukuhan hujah, serta teguran membina yang bersifat reflektif dan mendidik. Pendekatan ini telah menggalakkan proses *meaning-making* dalam kalangan penerima, sekaligus mencerminkan metodologi dakwah yang merangsang kesedaran intelektual dan moral.

Secara khusus, elemen-elemen pemikiran kritis seperti analisis (*analysis*), inferens (*inference*), dan penilaian (*evaluation*) jelas terpancar dalam hadis-hadis pilihan Imam al-Nawawi. Elemen ini sejajar dengan kerangka pemikiran kritis semasa seperti yang dihuraikan oleh Facione (2020), yang menekankan kepentingan



refleksi beralaskan logik dan etika dalam proses membuat keputusan. Justeru, hadis berperanan bukan sahaja sebagai sumber hukum atau spiritual, tetapi turut berfungsi sebagai instrumen pembangunan epistemologi Islam yang bersifat menyeluruh.

Keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa pertuturan Nabi S.A.W, sebagaimana terkandung dalam Hadis *Arba'in al-Nawawiyah*, memiliki nilai epistemologi dan pedagogi yang tinggi. Ia wajar dijadikan asas dalam merangka kurikulum pendidikan Islam yang berorientasikan pemikiran kritis, bagi melahirkan generasi muslim yang celik akal, matang dalam membuat pertimbangan, serta beretika dalam menghadapi dunia semasa yang kompleks. Pengintegrasian ilmu hadis dengan teori pemikiran kritis kontemporari membuka ruang kepada pembangunan wacana keilmuan Islam yang lebih dinamik, responsif dan berpandukan wahyu.

### PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Bahasa dan Pusat Pengajian Siswazah UPNM khususnya penyelia saya atas didikan dan tunjuk ajar yang telah merealisasikan pelaksanaan penyelidikan saya di peringkat Sarjana. Komitmen dan doa kedua ibu bapa saya dalam menyokong perjuangan ini amat dihargai. Semoga usaha kecil menyumbang kebaikan kepada masyarakat dan ummah.

### Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Al-Bugha, M., & Mistu, M. A.-D. (2016). *Al-Wafiyiyy fi Sharh al Arba'in al-Nawawiyah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din* (1st ed.). Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali. (2012). *Mi'yar al-'Ilm fi Fann al-Mantiq* (1st ed.). Beirut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Khattabi, H. M. (2016). *Ma'alim al-Sunan: Syarh Sunan Abi Dawud (2nd ed.)*. Beirut: *Mu'assasah al-Risalah*.
- Al-Nawawi, A. Z. (2010). *Matan al-Arba'in al-Nawawiyah* (1st ed.). Damsyik: Dar al-Ghawthani li al-Dirasat al-Qur'aniyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (1996). *Al-'Aql wa al-'ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (1996). *Fiqh al-Awlawiyat: Dirasah Jadidah fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah* (cet. 2). Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Sharif al-Radi. (2004). *Nahj al-Balaghah oleh Ali bin Abi Talib* (4th ed.). Cairo–Beirut: Dar al-Kitab al-Misri, Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Al-Syatibi. (2017). *Al-Muwafaqat* (1st ed.). Mansyurat al-Basyir bin 'Atiyah, Morocco.
- Al-Tabari, M. (2007). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran* (2nd ed.). Cairo: Dar al-Salam.
- Al-Tibi, al-Husain ibn Muhammad. (1997). *Sharh al-Tibi 'ala Mishkat al-Masabih al-musammá bi-al-Kashif 'an haqa'iq al-sunan*. Makkah: Maktabat Nizar Mustafa al-Baz.
- Badi, J. (2017). *Creative Thinking in Islam: Concept and Issues*. International Institute of Islamic Thought – East and Southeast Asia & International Islamic University Malaysia.
- Badri, M. (1995). *At-Tafakkur: min al-Mashahidah ila as-Syuhud dirasah nafsiyah Islamiyah*. Cairo: Dar al-Waqa'; USA: International Institute of Islamic Thought.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives: Handbook I—Cognitive domain*. New York, NY: David McKay Company.
- Facione, P. A. (2020). *Critical thinking: What it is and why it counts* (2020 update). Hermosa Beach, CA: Measured Reasons LLC. Insight Assessment.
- Faqihi, R. A. A. (2006). *Barnamij "Risk" wa Atharuhu fi Ta'lim al-Tafkir al-Naqid li Tolabat Qism al-Ulum al-Ijtimai'yyah Jamiah Taibah* (Tesis Master). Universiti Taibah.
- Halpern, D. F. (1998). *Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring*. *American Psychologist*, 53(4), 449–455. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.53.4.449>
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (2000). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (1st ed.). Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, I. U. (1999). *Tafsir al-Quran al-Azim* (2nd ed.). Beirut: Dar Tayyibah.
- Ibn Khaldun. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun* (1st ed.). Damascus: Dar Ya'rib.



- Ibn Rajab Al-Hanbali. (2008). *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadithan min Jawami' al-Kalim* (1st ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Jamal, M. J. (2005). *Al-A 'maliyyat al-Zihniyyah wa Maharat al-Ta'fkir* (Vol. 2). Al-'Ain, UAE: Dar al-Kitab al-Jami'iy.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: An introduction to its methodology* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Meyers, C. (1986). *Teaching students to think critically*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Inc. Publishers.
- Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2022). *'Anāṣir Al-Taḥkīm Al-Nāqidi 'inda Sayyidinā Ibrāhīma fī Al-Qiṣṣati Al-Qurāniyyah min Khilālī Taqrīr Dilfī*. QURANICA-International Journal of Quranic Research 14 (1), 98-125. DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.456>.
- Mhd Faizal Mhd Ramli, Mohd Sukki Othman, Pabiyah Hajimaming & Wan Muhammad Wan Sulong (2023). *Building the Semiotic Meaning of Critical Thinking from the Prophet Ibrahim's Discourses in the scene of da'wah to his father in the Qur'anic story*. 'Abqari Journal 28 (1), 91-108. DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol28no1.456>
- Mohd al'Ikhsan Ghazali, Azwira Abd Aziz dan Faisal Ahamd Shah. (2011). *Pengaruh pemikiran golongan anti hadith (GAH) kepada umat Islam di Malaysia: Kajian khusus di Lembah Klang. Dalam Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran semasa*, eds. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faizal Ahmad Shah, Monika@Munirah Abd Razzak, Khadler Ahmad, Mohamad Hasbullah Salim dan Khairul Saiful Hadi Muhamad. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.
- Moore, B.N & Parker, R. (2012). *Critical Thinking: Evaluating claims and arguments in everyday life*. Edisi ke-10. New York: Mc-Graw Hill.
- Khairulnazrin Nasir; Ikmal Adnan, Khalilullah Amin Ahmad, Mohd Nor Adzhar Ibrahim & Mohd Azhar Abdullah (2024). *Keperluan Hafalan Kitab Hadith 40 Imam Al-Nawawi Dalam Kurikulum Pengajian Islam di IPT Malaysia: Satu Kajian Awal*. HADIS, 14(28), 60-70. <https://doi.org/10.53840/hadis.v14i28.270>
- Noraini Junoh, Zanirah Mustafa@Busu dan Abdul Manam Mohamad. (2023). *Kaedah pemikiran kritis al-Dahlawi terhadap perbincangan al-sa'adah (kebahagiaan) dalam karya Hujjah Allah al-Balighah*. KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities 30(2): 207–237.
- Noraini Junoh, Abdul Manam Mohamad, Zanirah Mustafa@Busu dan Nor Asmira Mat Jusoh (2021). *Islamic critical thinking: An analysis of its significance based on the al-Quran and scholarly views*. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities 25(1): 33–48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.377>.
- Noraini Junoh dan Abdul Manam Mohamad. (2020). *Pemikiran kritis Islam: Analisis terhadap istilah-istilah berkaitan dalam al-Quran*. Journal of Muwafaqat 3(1): 130–149.
- Paul, R., & Elder, L. (2016). *The Miniature Guide to Critical Thinking: Concepts and Tools* (7th ed.). Foundation for Critical Thinking Press, Dillon Beach, California.
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge: University Press.
- Syahrizal Afandi (2019). *Kajian Hadits Jibril dalam Perspektif Pendidikan (Kajian Materi Pembelajaran dan Metode Pembelajaran)*. Jurnal Penelitian Keislaman, 15(1), 29–42. DOI: 10.20414/jpk.v15i1.525
- Wan Ismail W. Dagang, Mohd Nasir Masroom, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari. (2015). *Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian*. Sains Humanika. 5(3): 77–85. <https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.669>
- Zitouni, M., Alzahrani, A., Al-Kous, N., Almutlaq, S., Abdul-Ghafour, A., & Zemni, B. (2022). *The Translation of Selected Cultural Items in Al-Nawawi's Forty Hadiths: A Descriptive and Analytical Study*. Journal of Intercultural Communication, 22(3), 43-53. [doi.org/10.36923/jicc.v22i3.74](https://doi.org/10.36923/jicc.v22i3.74)